



**KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU,**

No. 10, Lot 3188K-2, Tingkat 1 & 2,
Bangunan Perkedaaian Permint Harmoni,
Jalan Engku Sar,
20300 KUALA TERENGGANU.

Tel : 09-6311481
Faks : 09-6311310
Email : nutptrg@yahoo.com
Web : nutpterengganu.webs.com

Rujukan: KPPKTRG/003/2/02(06) (17-20)

Tarikh : 28 MEI 2020

Semua Ahli,

KPPK/NUTP Cawangan Terengganu

Saudara/Saudari,

**PENANGGUHAN MESYUARAT AGUNG TRITAHUNAN KE-9 KPPK/NUTP
TERENGGANU**

Merujuk notis awal KPPK/NUTP Terengganu KPPKTRG(17-20)/003/2/(01) yang bertarikh 01 Januari 2020 adalah dirujuk.

2. Pihak KPPK/NUTP Cawangan Terengganu telah merujuk kepada pihak JHEKS berkenaan perkara ini dan dimaklumkan bahawa **Mesyuarat Agung Tritahunan Ke-9** yang bakal diadakan pada **20 Jun 2020(Sabtu) di Dewan Fikrah SMK Geliga, Kemaman, Terengganu** adalah **DITANGGUHKAN** ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian atas arahan pihak kerajaan yang tidak membenarkan sebarang bentuk perhimpunan diadakan kerana Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) disebabkan isu Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh negara.

3. Bersama dengan ini dilampirkan surat daripada Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja untuk makluman saudara/saudari.

Sekian, terima kasih.

“NUTP PELINDUNG & PEMBELA GURU DULU, KINI & SELAMANYA”

Saya yang menjalankan tugas,

(MOHAMAD RAFEE BIN ABDUL RAHMAN)
Setiausaha Kehormat

s.k. Setiausaha Agung KPPK SM
Pengerusi KPPK Cawangan Terengganu
Semua AJK KPPK Cawangan Terengganu
Pendaftar Kesatuan Sekerja Terengganu/Kelantan



Ruj. Kami : JHEKS AM/PG/83
Tarikh : 2 Mei 2020

Kepada:

**Setiausaha Agung/ Setiausaha Kesatuan dan
Semua yang Bekenaan,**

Tuan/ Puan,

**PERSIDANGAN PERWAKILAN, MESYUARAT AGUNG DAN SEMUA
AKTIVITI PERHIMPUNAN KESATUAN SEKERJA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Jabatan ingin menarik perhatian tuan/puan berhubung Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai COVID-19 bertarikh 16 Mac 2020 mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 di seluruh negara. Perintah kawalan ini dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1966 dan Akta Polis 1967. Menurut peruntukan Seksyen 11(4) Akta 343 dibaca bersama Seksyen 24(a) akta yang sama menjadikan **INGKAR LARANGAN** adalah satu **KESALAHAN JENAYAH**.

3. Selaras dengan perintah kawalan Pergerakan yang sedang berkuatkuasa, Jabatan menegaskan agar sebarang program Persidangan Perwakilan, Mesyuarat Agung, kursus, seminar dan semua aktiviti perhimpunan kesatuan sekerja hendaklah **DITANGGUH** untuk sementara waktu.


Ruj. Kami : JHEKS AM/PG/83
PERSIDANGAN PERWAKILAN, MESYUARAT AGUNG DAN SEMUA AKTIVITI
PERHIMPUNAN KESATUAN SEKERJA

4. Untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pekerja dan Cabaran Budaya Norma Baharu"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAHARAH BINTI ZAINAL ABIDIN)
b.p. Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja,
Malaysia